

PEMBINAAN STRUKTUR GERAI JUALAN TANPA KEBENARAN DI KAWASAN LANDSKAP

Sebuah struktur gerai yang dibina tanpa Kebenaran di atas kawasan landskap di salah satu bangunan komersial di Mukim Sengkurong telah di arahkan untuk diroboh oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa kerana telah melanggar Seksyen 23(2), Akta Perancangan Bandar dan Desa, Penggal 248.

Kawasan landskap yang disediakan di kawasan komersial merupakan sebahagian daripada elemen perancangan yang bertujuan untuk mengekalkan keseimbangan guna tanah, memperindah persekitaran serta memastikan keteraturan pembangunan. Penggunaan kawasan landskap bagi tujuan jualan makanan tanpa kelulusan telah menceroboh kawasan yang tidak diperuntukkan bagi aktiviti tersebut dan menjejaskan fungsi asal kawasan landskap berkenaan.

Selain menjejaskan perancangan dan keteraturan kawasan, pembinaan struktur tanpa kebenaran turut memberi kesan terhadap kualiti persekitaran dan imej kawasan komersial. Oleh yang demikian, semua aktiviti pembangunan dan penggunaan tanah hendaklah dilaksanakan selaras dengan peruntukan perancangan yang berkuat kuasa.

Hasil daripada pemeriksaan dan pemantauan berterusan oleh pihak Jabatan, restaurant berkenaan telahpun merobohkan dan mengalihkan struktur tanpa kebenaran tersebut. Walaubagaimanapun, kawasan landskap berkenaan telah rosak dan tidak dapat dipulihkan kepada sedia kala.

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa ingin mengingatkan orang ramai bahawa sebarang bentuk pembangunan, pembinaan atau perubahan guna tanah tanpa Kebenaran Perancangan adalah satu kesalahan di bawah Seksyen 23, Akta Perancangan Bandar dan Desa, Penggal 248. Ini termasuk pembinaan struktur jualan, gerai, kios, khemah atau apa-apa struktur sementara atau kekal tanpa kelulusan pihak berkuasa perancangan.

Kegagalan mematuhi peruntukan Akta ini boleh dikenakan tindakan penguatkuasaan termasuk denda sehingga BND 200,000, dan bagi kesalahan yang berterusan, denda tambahan sehingga BND 10,000 bagi setiap hari kesalahan diteruskan selepas sabitan.

Sebarang pertanyaan, aduan atau khidmat nasihat perancangan bolehlah dikemukakan kepada Jabatan Perancangan Bandar dan Desa melalui talian hotline 8200 222.

- TAMAT -